

Operations Overview

Construction

In the year under review, the construction division contributed 65.1% to total Group turnover, making it the largest contributor. The division registered a loss before taxation of RM27.4 million, mainly due to losses arising from construction operations in Singapore and SunTech's piling and precast operations.

During the year, its subsidiary, Sunway Construction Berhad ("SunCon") successfully secured RM1.5 billion local new projects, to add to its existing order book. Among the projects secured include the Kajang Traffic Dispersal Ring Road, earthworks for an independent power plant located in Perlis, design and building works for Lot 2G5 & 2G6, Precinct 2, Putrajaya and fitting out works for Lot 2G1, Precinct 2, Putrajaya.

The construction of the Ring Road commenced in August 2001 and is progressing on schedule, with target completion in April 2004.

In year 2001, SunCon has also ventured overseas, securing two (2) World Bank funded highway projects in India. Subsequent to year-end, SunCon, together with its joint-venture partners, secured two (2) more projects in India from the National Highways Authority of India.

SunCon's current order book of RM2.4 billion is expected to contribute significantly to the Group's turnover in the next 3 years.

Manufacturing and Trading

The Group's manufacturing and trading activities are mainly carried out by a group of companies controlled by its 50.87% owned subsidiary, SunTech.



Tinjauan Operasi

Pembinaan

Di dalam tahun yang diulas, bahagian pembinaan telah menyumbang 65.1% terhadap jumlah perolehan Kumpulan, menjadikannya penyumbang utama. Bahagian ini telah mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM27.4 juta, disebabkan terutamanya oleh kerugian operasi-operasi pembinaan di Singapura dan operasi-operasi SunTech dalam bidang cerucuk dan "precast".

Dalam tahun berkenaan, anak syarikat kami, Sunway Construction Berhad ("SunCon") telah berjaya memperolehi projek-projek tempatan baru bernilai RM1.5 bilion sebagai tambahan kepada pesanan-pesanan yang sedia ada. Antara projek-projek baru berkenaan termasuklah projek Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang, "earthworks" bagi loji janakuasa bebas di Perlis, kerja-kerja reka dan bina untuk Lot 2G5 & 2G6, Precinct 2, Putrajaya serta kerja-kerja siap untuk Lot 2G1, Precinct 2, Putrajaya.

Pembinaan projek Lebuhraya Lingkaran berkenaan telah bermula pada Ogos 2001 dan sedang berjalan lancar menurut jadual, dengan tarikh jangka siap pada April 2004.

Bagi tahun 2001, SunCon telah juga memperkembangkan operasinya ke luar negara, dengan kejayaan memperolehi dua projek lebuhraya di bawah pembiayaan Bank Dunia, di India. Berikutan tahun kewangan berakhir ini, SunCon, menerusi penglibatan rakan-rakan usahasanya, telah berjaya memperolehi dua lagi projek di India daripada pihak "National Highways Authority of India".

Pesanan semasa SunCon yang bernilai RM2.4 bilion dijangka akan memberikan sumbangan besar terhadap perolehan Kumpulan untuk 3 tahun ke hadapan.

Pembuatan dan Perdagangan

Aktiviti-aktiviti pembuatan dan dagangan Kumpulan terutamanya dijalankan oleh kumpulan syarikat yang dikawal oleh anak syarikat milik 50.87%, SunTech.

Dalam tahun berkenaan, bahagian ini telah menyumbang 22.3% terhadap jumlah perolehan Kumpulan menjadikannya penyumbang kedua terbesar selepas bahagian pembinaan, dari segi perolehannya.



During the year, this division contributed 22.3% to total Group turnover, making it the second largest contributor after the construction division, in terms of turnover.

Nevertheless, the manufacturing and trading division registered a loss before taxation of RM7.7 million due mainly to insufficient revenue to cover depreciation charges and high finance cost of SunTech.

Property Development/Investment

During the year, the property development/investment division made an 11.7% contribution to the Group's total turnover, compared to 15.9% in the previous year.

Its wholly-owned subsidiary, Sunwaymas Sdn Bhd, recorded a total turnover of RM107.7 million for the year. In year 2002, the company plans to launch properties with a gross sales value of RM150 million, comprising 3-storey shops and 2-storey semi-detached houses in Telok Gedong; 1-storey shops, 2-storey and 2¹/₂-storey terrace houses in Taman Rawang Perdana (Phase II), bungalow and shop office in Bangi, semi-detached and link houses at Serendah Golf Resort.



Associated Companies

In 2001, the Group's share of losses in associated companies amounted to RM5.4 million, an improvement compared to the RM15.9 million share of losses suffered in the previous year. The bulk of these losses arose from Pioneer Sun-Mix Concrete Sdn Bhd, its associated company via SunTech, dealing in ready-mix concrete business.

Significant Corporate Events

On 5 February 2002, an application was made to the Securities Commission for the proposed listing of Sistem Lingkaran-Lebuhraya Kajang Sdn Bhd ("SILK"), a 50% associated company of the Group, on the Main Board of the Kuala Lumpur Stock Exchange. SILK holds the concession to design, construct, operate and maintain a 37-km long road, known as the Kajang Traffic Dispersal Ring Road, on a build-operate-transfer basis for a period of 36 years awarded by the Government of Malaysia. In August 2001, SILK raised funding of RM580 million for the Kajang Traffic Dispersal Ring Road through the successful issuance of RM2.01 billion (face value) Islamic debt securities. The SILK bond issue is the first successful "green field" issue for a road infrastructure project in Malaysia since 1997.

Namun demikian, bahagian pembuatan dan dagangan telah mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM7.7 juta disebabkan terutamanya oleh jumlah perolehan yang tidak mencukupi untuk menyerap perbelanjaan susutnilai dan kos kewangan yang tinggi bagi SunTech.

Pembangunan/Pelaburan Hartanah

Dalam tahun berkenaan, bahagian pembangunan/pelaburan hartanah telah menghasilkan sumbangan 11.7% terhadap perolehan keseluruhan Kumpulan, berbanding 15.9% dalam tahun sebelumnya.

Anak syarikat milik penuh, iaitu Sunwaymas Sdn Bhd, telah mencatatkan perolehan berjumlah RM107.7 juta bagi tahun tersebut. Dalam tahun 2002, syarikat tersebut bercadang untuk melancarkan projek-projek hartanah baru dengan nilai jualan kasar sebanyak RM150 juta, terdiri daripada kedai-kedai 3-tingkat dan rumah-rumah berkembar 2-tingkat di Telok Gedong; kedai-kedai 1-tingkat, rumah-rumah teres 2-tingkat dan 2½-tingkat di Taman Rawang Perdana (Fasa II), banglo dan pejabat-kedai di Bangi, serta rumah-rumah berkembar dan berangkai di Serendah Golf Resort.



Syarikat-Syarikat Bersekutu

Dalam tahun 2001, Kumpulan telah berkongsi agihan kerugian syarikat-syarikat bersekutu berjumlah RM5.4 juta, suatu pengelakan berbanding dengan bahagian kerugian sebanyak RM15.9 juta pada tahun sebelumnya. Sebahagian besar kerugian tersebut adalah dari Pioneer Sun-Mix Concrete Sdn Bhd, sebuah syarikat bersekutu menerusi SunTech, yang terlibat di dalam bidang perniagaan konkrit "ready-mixed".

Peristiwa Korporat Utama

Pada 5 Februari 2002, permohonan telah dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Sekuriti untuk cadangan menyenaraikan Sistem Lingkaran-Lebuhraya Kajang Sdn Bhd ("SILK"), sebuah syarikat bersekutu milik 50% Kumpulan, di dalam Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur. SILK merupakan pemilik konsesi untuk merekabentuk, membina, mengendalikan dan menyelenggara lebuhraya sepanjang 37 km yang dikenali sebagai Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang, di atas dasar "build-operate-transfer" selama 36 tahun yang telah dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia. Pada Ogos 2001, SILK telah berjaya mengumpulkan dana pembiayaan bernilai RM580 juta untuk projek Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang tersebut menerusi terbitan bon Islam bernilai RM2.01 bilion (nilai dasar). Terbitan bon tersebut merupakan terbitan secara "green field" yang pertama bagi projek infrastruktur lebuhraya di Malaysia sejak 1997.

In April 2001, SunInc terminated its call option on its 50% equity interest in Sunway-Pioneer Quarry Sdn Bhd, the quarry and asphalt joint-venture company with Pioneer International Holdings Pty Ltd for a consideration of RM18 million.

On 27 November 2001, SunInc successfully restructured (by having 98.56% of the represented Bondholders at the Extraordinary General Meeting voted in favour of the restructuring proposal) its US Dollar denominated fixed rate Euroconvertible Bonds due to mature on 11 December 2001. The maturity date was extended to December 2005.

Economic Outlook

In 2001, the real GDP of the country grew by merely 0.4% despite a higher than projected growth of 5-6% in the beginning of the year. The slowdown in the world economy, particularly in the United States after the September 11 incident, has impacted the performance of the Malaysian economy.

For year 2002, the GDP of Malaysia is forecasted to recover to 3.5%, on the back of stronger growth in private consumption, modest recovery in private investments, sustained public sector expenditure and moderate growth in exports.

The construction sector is expected to register a moderate growth of 4.3% this year, supported by the RM3.0 billion pre-emptive package and the RM4.3 billion stimulus package announced in 2001 by the Government.

Appreciation

My fellow Board members and I would like to take this opportunity to thank all our valued customers, shareholders, bankers, business associates and various Government authorities for their continued support and confidence with the Group.

Last but not least, the Board and I would like to extend our heartiest thanks to management and staff for their hard work, contribution and dedication to the Group.



Tan Sri Dato' Seri (Dr) Cheah Fook Ling

Chairman

14 May 2002

Pada April 2001, SunInc telah menamatkan haknya untuk membeli ("call option") 50% kepentingan ekuitinya di dalam Sunway-Pioneer Quarry Sdn Bhd, sebuah syarikat usahasama dalam bidang kuari dan asfalt dengan Pioneer International Holdings Pty Ltd pada harga RM18 juta.

Pada 27 November 2001, SunInc telah berjaya menyusun semula (menerusi pungutan 98.56% daripada perwakilan pemegang-pemegang bon di dalam Mesyuarat Umum Luarbiasa yang bersetuju terhadap cadangan penyusunan semula berkenaan) bon-bon "Euroconvertible" miliknya yang berkadar tetap dan berasaskan matawang US Dollar yang mencapai tempoh matang pada 11 Disember 2001. Tarikh matang telah dilanjutkan kepada Disember 2005.

Tinjauan Ekonomi

Dalam 2001, kadar KDNK sebenar negara telah hanya meningkat sebanyak 0.4% sungguhpun pencapaian pertumbuhan pada awal tahun lebih tinggi daripada jangkaan 5-6%. Kelembapan ekonomi dunia, khususnya di Amerika Syarikat selepas peristiwa 11 September, telah memberi kesan terhadap prestasi ekonomi Malaysia.

Bagi tahun 2002, KDNK negara dijangka akan mengalami pemulihan kepada 3.5%, berdasarkan pengukuhan pertumbuhan dalam penggunaan sektor swasta, pulangan sederhana dalam pelaburan sektor swasta, pengendalian perbelanjaan sektor awam dan pertumbuhan sederhana pasaran eksport.

Sektor pembinaan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 4.3% tahun ini, dengan bantuan pakej sokongan RM3.0 bilion dan pakej rangsangan RM4.3 bilion yang diumumkan Kerajaan pada 2001.

Penghargaan

Saya dan ahli-ahli Lembaga Pengarah ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan, para pemegang saham, institusi perbankan, rakan-rakan perniagaan dan pihak berkuasa Kerajaan yang dihargai di atas sokongan dan keyakinan berterusan mereka terhadap Kumpulan.

Akhir kata, saya dan ahli-ahli Lembaga Pengarah ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan ke atas segala usaha, sumbangan dan sikap dedikasi mereka kepada Kumpulan.



Tan Sri Dato'Seri (Dr) Cheah Fook Ling

Pengerusi

14 Mei 2002